

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 20 APRIL 2016 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI sasar 16 lagi syarikat berstatus Bionexus akhir tahun	BERNAMA
2.	Pacu status BioNexus	Harian Metro
3.	16 lagi syarikat capai status BioNexus	KOSMO
4.	Sasar 16 lagi firma asing capai status BioNexus	Berita Harian
5.	MIT syarat baharu sertai PDRM	BERNAMA
6.	Kerajaan lulus RM68 juta tingkat sistem tinjauan cuaca di Sabah	BERNAMA
7.	Paras air takungan Kolam Bukit Merah semakin susut	Berita Harian
8.	Paras air 7 empangan utama cukup 30 hari	Berita Harian
9.	'Cloud seeding to continue'	New Straits Times
10.	Islanders risking their lives for water supplies	The Star
11.	Changing tack to improve STEM education	New Straits Times



## MOSTI Sasar 16 Lagi Syarikat Berstatus Bionexus Akhir Tahun

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menasaskan 16 lagi syarikat asing berasaskan bio mencapai status BioNexus menjelang akhir tahun.

Status BioNexus dianugerahkan kepada syarikat berasaskan bio yang berjaya dalam bidang bioteknologi. Kini terdapat 267 syarikat berstatus bioNexus.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata syarikat berstatus BioNexus melabur RM3.1 bilion sehingga suku ketiga 2015 berbanding RM2.91 bilion dalam tempoh yang sama pada 2014.

"Syarikat berstatus BioNexus muncul sebagai penyumbang utama kepada ekonomi dengan mewujudkan kelebihan pasaran bagi produk komersial.

"Namun, nilainya masih kecil berbanding sektor eksport utama yang lain.

"Lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi menggalakkan pembabitan lebih banyak syarikat berstatus BioNexus, terutama dari luar negara," katanya kepada pemberita bagi mengumumkan acara Bioekonomi BioMalaysia & Asia Pasifik 2016, di sini Selasa.

Mengenai hasil eksport, syarikat berstatus BioNexus mencatat RM594.4 juta bagi tempoh suku ketiga tahun lepas atau 10 peratus lebih baik berbanding RM538.1 juta yang direkodkan pada suku yang sama pada 2014.

Beliau berkata berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan 15 peratus, keluaran kasar bioekonomi dianggarkan meningkat kepada RM149.1 bilion menjelang 2020 dan RM181.2 bilion menjelang 2030.

Sementara itu, bagi keseluruhan industri bioteknologi, MOSTI menasaskan untuk meraih RM2 bilion pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) tahun ini.

"Tahun lepas, negara mencatatkan RM4 bilion FDI dan DDI...namun angkanya susut tahun ini disebabkan kedudukan ekonomi yang suram ketika ini," katanya.

Beliau berkata hasil dorongan kemasukan bioekonomi, pengukuhan rantaian nilai bioekonomi di Asia Pasifik akan menjadi tumpuan perbincangan pada Bioekonomi BioMalaysia & Asia Pasifik 2016 di Kuala Lumpur Convention Centre di sini dari 31 Mei hingga 2 Jun, 2016.

Bertema 'menambah nilai ekonomi menerusi teknologi berasaskan bio', acara itu dijangkakan menggalakkan perkongsian bagi merangsang inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan matlamat meletakkan Malaysia sebagai kuasa bioekonomi pada masa akan datang.

Anjuran bersama MOSTI dan BiotechCorp, pameran tahunan itu yang dijangkakan menarik lebih 10.000 pengunjung, akan mengetengahkan pelancaran produk baharu, demonstrasi produk serta sesi padanan perniagaan.

Setakat ini 80 syarikat tempatan dan asing berasaskan bio, mendaftar untuk menyertai acara itu.

-- BERNAMA



# PACU STATUS BIONEXUS

■ 16 syarikat lagi dijangka masuk senarai menjelang akhir tahun

Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**ementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjangkakan 16 lagi syarikat yang berasaskan bio akan mencapai status BioNexus menjelang akhir tahun ini daripada 267 syarikat sekarang.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, status BioNexus diberikan kepada syarikat berasaskan bio yang berjaya dalam bidang bioteknologi.

Katanya, syarikat berstatus BioNexus itu juga merekodkan RM3.1 bilion pe-

laburan asing dan tempatan pada suku ketiga 2015, meningkat enam peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Syarikat berstatus BioNexus ini juga muncul sebagai penyumbang utama kepada ekonomi, mewujudkan pasaran khusus untuk produk dikomersialkan.

“Pelbagai usaha yang lebih agresif perlu dibuat untuk menggalakkan pembabitan lebih banyak syarikat berstatus BioNexus, terutama dari luar negara,” katanya pada sidang media sempena BioMalaysia dan

BioEkonomi Asia Pasifik 2016 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

Madius berkata, pada suku ketiga 2015, syarikat berstatus BioNexus mencatatkan perolehan eksport bernilai RM594.4 juta iaitu peningkatan 10 peratus berbanding suku ketiga 2014.

Menurutnya, syarikat berkenaan sehingga kini menjana RM6.42 bilion nilai pelaburan yang diluluskan, malah beberapa syarikat itu turut aktif dalam aktiviti

pengeksporan.

Beliau berkata, MOSTI juga dalam usaha mengenangkan produk berasaskan bio sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baharu dan meningkatkan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sementara itu, BioMalaysia dan BioEkonomi Asia Pasifik 2016 dijangka terus mengukuhkan reputasinya sebagai salah satu pertemuan penting bagi peserta antarabangsa dan tempatan dalam industri berasaskan bio.

Peserta tahun ini dijangka datang dari Jerman, Thailand, Poland, India, Afrika Selatan dan Laos. Acara kali ini akan diadakan pada 31 Mei hingga 2 Jun ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

## FAKTA

Syarikat berstatus BioNexus merekodkan RM3.1 bilion pelaburan asing dan tempatan pada suku ketiga 2015

